SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/12/89 (HQ)

TNB BANTU GOLONGAN B40 JOHOR NIKMATI KEDIAMAN SEMPURNA MENERUSI PROJEK MESRA RAKYAT (PMR)

- RM780,000dibelanjakan untuk membaiki dan membina 23 kediaman sejak 2012 di Johor

Tenaga Nasional Berhad (TNB) kekal komited untuk membantu meringankan beban golongan kurang bernasib baik untuk memiliki kediaman yang lebih sempurna menerusi Projek Mesra Rakyat (PMR) TNB.

Terbaharu, syarikat utiliti itu dengan kerjasama kerajaan negeri Johor telah membantu dua warga Johor daripada golongan B40 untuk membaiki dan membina kediaman di bawah program itu.

Menteri Besar Johor, Dato' Ir. Hasni Mohammad telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran kepada kedua-dua penerima, Krishnan a/l Mutusamy dan Ng Kim Siang di Kampung Lama, Pontian, pada 24 Disember 2020.

Turut hadir, Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek dan Pengurus Besar Negeri Johor TNB, Mohamad Noh Md Seth.

Pelaksanaan PMR adalah sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial TNB bagi membantu golongan B40 untuk sama ada membaiki, membeli atau membina rumah masing-masing dengan nilai sumbangan RM50,000.

"Saya amat terharu dengan keprihatinan TNB untuk terus bekerjasama dengan kerajaan negeri Johor bagi membantu membina atau membaik pulih rumah golongan yang kurang berkemampuan dan sangat memerlukan bantuan," kata Hasni.

"Harapan saya agar kerjasama antara TNB dan kerajaan negeri dapat diteruskan untuk kesejahteraan masyarakat."

Sejak dimulakan pada 2012, sebanyak RM780,000 telah dibelanjakan di bawah PMR bagi membina dan membaik pulih 23 kediaman di negeri Johor.

Di peringkat kebangsaan pula, sejak 2012, sebanyak RM7.8 juta dibelanjakan di bawah program itu bagi membantu 220 penerima.

Kim Siang, 39, mengucapkan penghargaan kepada TNB kerana sebuah rumah baru tiga bilik kini menggantikan pondok usang kediaman beliau dan ibunya yang uzur di Kampung Lama, Pontian.

“Pondok lama kami sangat uzur dan berlubang dindingnya. Kami amat berterima kasih kepada TNB kerana prihatin terhadap nasib masyarakat seperti kami,” katanya.

Sementara itu, Krishnan, 72, menzahirkan rasa syukur kerana kini, beliau bersama isteri dan lima anaknya yang masih bersekolah menerima bantuan PMR.

“Terima kasih TNB kerana membantu membaik pulik rumah kami yang banyak rosak sebelum ini,” katanya yang tinggal di Kampung Paya Jakas, Segamat.

Selain PMR, TNB turut melaksanakan bantuan serupa yang dinamakan Program Baiti Jannati, yang mensasarkan golongan kurang berkemampuan yang beragama Islam.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 Disember 2020, jam10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my

Menteri Besar Johor Dato’ Ir. Hasni Mohammad (tiga, kiri) bersama penerima rumah Projek Mesra Rakyat TNB Peringkat Negeri Johor 2020, Ng Kim Sia (tiga, kanan) di Kampung Lama, Pontian 24 Disember lalu.

Turut hadir, Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek (dua, kanan) dan Pengurus Besar Negeri Johor TNB, Mohamad Noh Md Seth (dua kiri).